



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 10/2021**

**KEPERLUAN MELANTIK PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN SEBAGAI
PEGAWAI PENGAWAL BAGI TANAH-TANAH RIZAB UNTUK MAKSUD
PERSEKUTUAN**

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya
2021**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 10/2021
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 10/2021

Keperluan Melantik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Sebagai Pegawai Pengawal Bagi Tanah-Tanah Rizab Untuk Maksud Persekutuan

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir Tanah berhubung pelantikan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) sebagai Pegawai Pengawal bagi tanah-tanah rizab untuk maksud Persekutuan.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Selaras dengan Fasal 5 Perkara 85 Perlembagaan Persekutuan, tanah-tanah yang diduduki atau digunakan oleh Kerajaan Persekutuan sebelum Hari Merdeka atau mana-mana tanah kerajaan yang dirizabkan bagi tujuan Kerajaan Persekutuan selepas Hari Merdeka dikenali sebagai tanah-tanah untuk maksud Persekutuan.
3. Fasal (3) Perkara 166 Perlembagaan Persekutuan, memperuntukan mana-mana tanah yang terletak hak pada Negeri Melaka atau Pulau Pinang yang sebaik sebelum Hari Merdeka telah diduduki atau digunakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Baginda Ratu United Kingdom atau oleh mana-mana pihak berkuasa awam bagi maksud yang mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan menjadi maksud Persekutuan hendaklah pada dan selepas Hari Merdeka diduduki, digunakan, dikawal dan diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan selagi tanah itu dikehendaki bagi maksud Persekutuan.
4. Maksud Persekutuan seperti diperuntukkan di bawah Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan adalah termasuk maksud Persekutuan berkaitan dengan perlara-perkara yang disebut satu persatu dalam Senarai Pertama serta Senarai Bersama Jadual Kesembilan dan dengan apa-apa perkara lain yang mengenainya Parlimen mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang selain menurut kuasa Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan.
5. Bagi tanah-tanah rizab bagi maksud Persekutuan yang diwartakan dibawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (Disemak 2020) [Akta 828], adalah diperuntukkan di bawah subseksyen 62(2) Akta 828 bahawa dalam warta tersebut perlulah menamakan seorang pegawai awam untuk menjadi pegawai pengawal kepada rizab tersebut. Selaras dengan Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 [Akta 349], Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah merupakan pegawai awam yang diberikan kuasa untuk memegang tanah-tanah bagi Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, dinasihatil semua Pengarah Tanah dan Galian serta

Pentadbir Tanah untuk menasihati Pihak Berkuasa Negeri masing-masing supaya mana-mana tanah yang dirizabkan untuk maksud Persekutuan perlulah melantik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebagai pegawai pengawal rizab tersebut.

6. Pengarah Tanah dan Galian Negeri atau Pentadbir Tanah yang ingin mengeluarkan Lesen Menduduki Sementara selaras dengan subseksyen 66(1)(c) atau permit bahan batuan selaras dengan subseksyen 71(1)(d) di atas tanah-tanah rizab bagi maksud Persekutuan perlulah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sebelum dikeluarkan lesen atau permit tersebut.

PEMBATALAN

13. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 9 Tahun 1973 (Disemak 2007) bertajuk Pelantikan Pegawai Untuk Mengawal Tanah Rizab Persekutuan adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

14. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail : JKPTG/950/100-1/7/1Jld.6 (13)

Tarikh : 31 Disember 2021